


- 1 Antara berikut, pembesar yang manakah bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan perairan Melaka?
- A Kiwi
 - B Laksamana
 - C Orang Laut
 - D Syahbandar

Kawasan pegangan bermaksud kawasan pentadbiran pembesar yang diberikan oleh Sultan.

- 2 Maklumat di atas menerangkan kawasan pegangan. Mengapakah Sultan bertindak sedemikian?
- A Membentuk perpaduan
 - B Meningkatkan sokongan
 - C Menyeragamkan pentadbiran
 - D mengawal kegiatan perdagangan




- 3 Gambar di atas menunjukkan mata wang yang digunakan di Melaka semasa pemerintahan Sultan Mansor Shah. Penggunaan mata wang tersebut membuktikan
- A kemajuan perdagangan di Melaka
 - B kerjasama antara pedagang asing dengan pedagang Melaka
 - C kepentingan perlombongan di Melaka
 - D kemantapan hubungan luar Melaka



- 4 Peta di atas menunjukkan ancaman yang diterima oleh Kedah pada kurun ke-18. Bagaimanakah Sultan Kedah berusaha untuk mengekalkan kedaulatan Kedah?
- A Menghantar bunga emas kepada Siam
 - B Memohon bantuan ketenteraan daripada British
 - C Meminta bantuan ketenteraan dari Riau, Siak dan Selangor
 - D Menawarkan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris
- 5 Apakah faktor yang mendorong perkembangan pelabuhan Kuala Kedah menjelang kurun ke-16?
- A Dasar buka pintu
 - B Dasar pelabuhan bebas
 - C Dasar pengecualian cukai
 - D Dasar cukai berkeutamaan



- 6 Ilustrasi di atas menunjukkan peristiwa menandatangani Perjanjian Inggeris-Kedah 1786. Apakah syarat yang diberi oleh Sultan Abdullah sebelum bersetuju menyerahkan Pulau Pinang kepada Francis Light?
- A Membina pangkalan tentera
 - B Memberikan bantuan ketenteraan
 - C Memutuskan hubungan dengan Siam
 - D Mengiktiraf kedudukan Sultan Abdullah



- 7 Graf di atas merujuk kepada bilangan kapal yang berlabuh di Pulau Pinang. Apakah faktor peningkatan kapal dagang tersebut?
- A Pendudukan British di Pulau Pinang
 - B Bantuan ketenteraan oleh kerajaan British
 - C Kerajaan Siam tidak lagi mengancam Pulau Pinang
 - D Pengiktirafan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas cukai

Perjanjian X

- British mengiktiraf ketuanan Siam terhadap Kedah
- Kedah menghantar bunga emas kepada Siam

- 8** Senarai di atas merupakan syarat-syarat Perjanjian X. Apakah syarat lain yang terkandung dalam Perjanjian X?
- I** Siam mengiktiraf pendudukan British di Pulau Pinang dan Seberang Perak
- II** British tidak akan membantu Sultan Kedah menyerang Siam dan jajahan takluknya
- III** British akan menghantar balik Sultan Kedah yang berlindung di Pulau Pinang ke Kedah
- IV** British akan membayar pampasan sebanyak 6000 dolar Sepanyol kepada Sultan Kedah setiap tahun
- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV
- 9** Kelemahan Pejabat Tanah Jajahan British di India kerap menimbulkan masalah di Negeri-Negeri Selat. Apakah kelemahan yang dimaksudkan?
- I** Kegiatan kongsi gelap
- II** Akta Mata Wang 1855 merugikan pedagang
- III** Gabenor Jeneral British di India tidak berpengalaman
- IV** Tindakan menjadikan Negeri-Negeri Selat sebagai pusat pembuangan banduan
- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV



- 10 Peta di atas menunjukkan pembahagian kawasan pengaruh British dan Belanda pada tahun 1824. Apakah kesan pembahagian kawasan tersebut kepada kerajaan Johor.
- Kerajaan Johor semakin luas
 - Kerajaan Johor berpecah kepada dua pengaruh
 - Kerajaan Johor menjadi semakin berkembang maju
 - Kerajaan Johor tidak lagi diancam oleh kuasa Barat yang lain

Perang Larut

- Kongsi gelap Hai San
- Kongsi gelap Ghee Hin

- 11 Senarai di atas menunjukkan pertelingkahan dua kongsi gelap sehingga mencetuskan Perang Larut. Apakah punca perbalahan mereka?
- Perbezaan bangsa
 - Kehilangan kawasan wilayah pengaruh
 - Perebutan kawasan perlombongan bijih timah
 - Masing-masing ingin menjadi ketua bagi orang Cina



- 12 Ilustrasi di atas menggambarkan keadaan di negeri-negeri Melayu yang dijadikan alasan pedagang Negeri-Negeri Selat supaya British campur tangan. Apakah sebab mereka bertindak sedemikian?
- A Menjamin keamanan
 - B Didesak oleh pembesar tempatan
 - C Melindungi kepentingan pelaburan mereka
 - D Bimbang dengan kemaraan kuasa Barat yang lain.
- 13 Antara berikut, yang manakah merupakan syarat dalam Perjanjian Pangkor yang termeterai pada 20 Januari 1874?
- I Raja Ismail dilantik sebagai Raja Muda
 - II Raja Abdullah diakui sebagai Sultan Perak
 - III Raja Abdullah menerima seorang Residen
 - IV Sultan berkuasa penuh ke atas pungutan cukai di Perak
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

1888	↑ + + ●	J.P Rodger dilantik menjadi Residen British yang pertama di Pahang
1887		Hugh Clifford dilantik sebagai wakil British di Pahang
1886		Frank Swettenham dan Frederick Weld memujuk Sultan Ahmad menerima Residen British tetapi gagal

- 14 Garis masa di atas menunjukkan penguasaan British di Pahang. Apakah kesan daripada penguasaan tersebut?
- A Berakhirnya kedaulatan Pahang
- B Pahang menjadi negeri paling maju
- C Wujud keamanan dan kestabilan di Pahang
- D Pentadbiran moden diperkenalkan di Pahang

Sultan Abdullah	:	Nampaknya tindakan J.W.W. Birch semakin melampau. Titah beta sudah tidak didengarnya
Dato' Maharajalela	:	Tindakannya J.W.W. Birch benar-benar mencabar kewibawaan Tuanku.

- 15 Dialog di atas mungkin diucapkan oleh Sultan Abdullah dengan pembesarnya. Apakah tindakan J.W.W. Birch yang telah menimbulkan rasa tidak puas hati tersebut?
- I Menguasai pentadbiran negeri
- II Mengambil alih pungutan cukai
- III Menghapuskan amalan perhambaan
- IV Menasihati sultan dalam hal agama Islam
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

Tarikh	Peristiwa
1 Julai 1896	Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor digabungkan menjadi sebuah persekutuan yang dikenali sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

16 Jadual di atas menerangkan pembentukan Persekutuan 1896. Kesan perjanjian ini ialah

- I Sultan terpaksa mengikut nasihat Residen Jeneral
 - II Pentadbiran di setiap negeri tidak seragam
 - III Sultan terpaksa menyerahkan hasil negeri kepada kerajaan pusat
 - IV Kuasa Sultan dan Majlis Mesyuarat Negeri diambil alih oleh Residen Jeneral
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV



17 X merujuk kepada sebuah daerah di Kelantan yang diserahkan oleh British kepada Siam. Apakah X?

- A Tabal
- B Kuala Krai
- C Pasir Puteh
- D Kota Bharu

- J.S. Mason
- W.L. Conlay
- J.L. Humphreys
- George Maxwell

- 18 Senarai di atas merujuk kepada Penasihat British di Negeri-Negeri Melayu Utara. Apakah tugas pegawai-pegawai British ini?
- A Menjaga keselamatan warganegara British
 - B Menjalankan hubungan dengan kuasa Barat yang lain
 - C Memajukan sistem perhubungan dan ekonomi negeri
 - D Memberi nasihat dalam semua perkara kecuali berkaitan agama Islam dan adat Melayu

Sultan Muhammad IV terpaksa menandatangani perjanjian dengan British pada tahun 1910.


- 19 Pernyataan di atas menunjukkan tindakan yang terpaksa dilakukan oleh Sultan Kelantan. Apakah kesan perjanjian tersebut kepada Kelantan?
- A Bebas daripada ancaman Siam
 - B Terpaksa menerima Penasihat British
 - C Menjadi negeri yang maju dan makmur
 - D Sistem beraja di Kelantan dihapuskan
- 20 Apakah tindakan Sultan Zainal Abidin III untuk memelihara kedaulatan dan kemerdekaan Terengganu?
- A Melancarkan serangan ke atas British
 - B Memperkenalkan Majlis Mesyuarat Negeri
 - C Meminta bantuan Siam untuk menghalau British
 - D Menggubal Undang-Undang Tubuh Kerajaan Terengganu

21 Apakah tindakan Sultan Abu Bakar untuk memodenkan sistem pentadbiran negeri Johor.

- I Mewujudkan mahkamah
 - II Mempelajari sistem pentadbiran Barat
 - III Menubuhkan jabatan pos dan kerja raya
 - IV Melantik wakil British dalam pentadbiran
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

22 Apakah yang menyebabkan Pangeran Raja Muda Hashim terpaksa melantik James Brooke sebagai Raja Sarawak?

- A James Brooke telah membedil bandar Kuching
- B Pangeran Raja Muda Hashim telah diugut
- C Sultan Brunei menyokong James Brooke
- D Desakan pembesar Melayu



23 Rajah di atas berkaitan dengan pembaharuan oleh Brooke. Apakah tujuan Brooke bertindak sedemikian?

- A Sebagai benteng pertahanan
- B Untuk menyerang lanun
- C Mengawal keamanan
- D Melatih tentera baru

24 Mengapakah Perlembagaan Sarawak 1941 tidak sempat dilaksanakan?

- A Serangan oleh Belanda
- B Penentangan pelabur asing
- C Perang Dunia Kedua meletus
- D Perbalahan antara penduduk tempatan

- 25 Mengapakah James Brooke memperkenalkan sistem pemerintahan beraja di Sarawak yang melibatkan pemimpin tempatan?
- A Untuk melicinkan pentadbiran
 - B Untuk mengambil hati penduduk tempatan
 - C Untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja
 - D Untuk mendapatkan sokongan penduduk tempatan
- 26 Selepas mendapatkan konsesi tanah Sabah dari Torrey, Overbeck telah menghadapi masalah kewangan. Apakah tindakan beliau untuk mengatasi masalah tersebut?
- A Meminjam wang daripada Dent
 - B Menjual tanah itu kepada Dent
 - C Mendesak kerajaan British menganugerahkan piagam
 - D Melantik Sir Rutherford Alcock sebagai presiden pertama

Ekonomi Sabah telah menarik para pelabur Barat dari Amerika Syarikat, Britain, Belanda dan Sepanyol.

- 27 Pernyataan di atas menggambarkan kemajuan ekonomi Sabah. Apakah tindakan pertama yang membawa kepada keadaan tersebut?
- A Penjualan konsesi tanah Sabah kepada Torrey
 - B Penjualan konsesi tanah Sabah kepada Overbeck
 - C Pemberian konsesi tanah Sabah kepada C.L. Moses
 - D pemberian hak konsesi tanah Sabah kepada Alfred Dent
- 28 Selepas mendapatkan hak konsesi tanah dari Overbeck, Alfred dan Edward Dent telah melakukan pelbagai usaha. Apakah usaha tersebut?
- I Menubuhkan Persatuan Sementara Borneo Utara British Berhad
 - II Menghentikan jualan saham syarikat kepada British
 - III Menubuhkan Syarikat Borneo Utara British (SBUB)
 - IV Mendapatkan Piagam Diraja daripada British
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- 29** Siapakah ketua pemerintahan SBUB di Sabah?
- A** Residen
 - B** Gabenor
 - C** Residen Jeneral
 - D** Lembaga Pengarah
- 30** Antara berikut, yang manakah ahli Majlis Penasihat yang ditubuhkan semasa pemerintahan SBUB di Sabah?
- I** Bendahari
 - II** Pegawai Daerah
 - III** Setiausaha kerajaan
 - IV** Ketua pasukan keselamatan
- A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** I, III dan IV
 - D** II, III dan IV
- 31** Antara berikut, yang manakah benar mengenai Ketua Anak Negeri?
- I** Digelar Orang Kaya-Kaya (O.K.K.)
 - II** Pegawai Daerah
 - III** Pengurus hal masyarakat
 - IV** Pentadbir semua jabatan
- A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** I, III dan IV
 - D** II, III dan IV

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Rusia • China |
|--|

32 Senarai di atas merujuk kepada dua buah kuasa besar dunia. Apakah persamaan antara negara-negara tersebut?

- I** Memiliknegrakan tanah
II Menentang golongan feudal
III Mempercayai wujudnya tuhan
IV Mengamalkan rundingan dalam politik
- A** I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Komunis	:	Kami sanggup membantu Tuan.
British	:	Anggota PKM akan diberi latihan perang gerila.

33 Dialog di atas mungkin berlaku antara ahli PKM dengan pihak British di Tanah Melayu. Apakah sebab wujudnya kerjasama kedua-dua pihak ini?


- A** Force 136 bermaharajalela
B MPAJA enggan menyerah kalah
C Jepun menyerang Tanah Melayu
D Orang Melayu menentang British

34 Apakah tujuan penubuhan Parti Komunis Malaya?

- A** Melindungi kepentingan orang Cina
B Membantu British menghadapi Jepun
C Menguasai ekonomi Tanah Melayu
D Menubuhkan Republik Komunis Malaya



- 35 Dialog di atas berkaitan dengan hasutan komunis di Batu Arang, Selangor. Apakah sebab komunis menghasut pekerja lombong arang batu supaya melancarkan mogok?
- A Melumpuhkan ekonomi
 - B Menjaga kebajikan pekerja
 - C Mendapat sokongan kerajaan
 - D Menunjukkan keganasan mereka



- 36 Berdasarkan rajah di atas, apakah tujuan program “Gerakan Kelaparan”?
- A Mengehadkan makanan kepada penduduk
 - B Memindahkan penduduk ke kampong baru
 - C Memastikan komunis tidak mendapat bekalan
 - D Memaksa penduduk menjalankan ekonomi sara diri



37 Dialog di atas mungkin diucapkan dalam kalangan anggota Min Yuen. Apakah kepentingan Min Yuen kepada Parti Komunis Malaya?

- I Melatih kader
 - II Memberi maklumat
 - III Membekalkan makanan
 - IV Memulakan pemberontakan
- A I dan II
 B II dan III
 C III dan IV
 D I dan IV

38 Mengapakah British menyokong penubuhan *Malayan Chinese Association* (MCA)?

- A Menyatupadukan semua kaum
- B Membasmi keganasan komunis
- C Menjaga kepentingan orang Cina
- D Membentuk satu bangsa Tanah Melayu

Sistem Pendaftaran Kebangsaan

Mereka yang berumur 12 tahun atau lebih mesti berdaftar dan akan diberi kad pengenalan.

- 39** Berita di atas berkaitan dengan pendaftaran penduduk. Apakah tujuan kerajaan British mengeluarkan peraturan tersebut?
- A Menjalankan banci penduduk
 - B Menghapuskan ancaman komunis
 - C Memudahkan pemindahan penduduk
 - D Memecahbelahkan penduduk berbilang kaum



- 40** Rajah di atas merujuk kepada usaha Sir Gerald Templer. Mengapakah usaha tersebut diambil?
- I Membasmi penganas komunis
 - II Melonggarkan syarat kerakyatan
 - III Memupuk semangat bersatu padu
 - IV Menghapuskan perasaan perkauman
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 41** Dalam usaha menggalakkan komunis menyerah diri, kerajaan telah melancarkan
- A Undang-Undang Darurat
 - B pengampunan beramai-ramai
 - C Sistem Pendaftaran Kebangsaan
 - D penubuhan Kampung-Kampung Baru



- 42 Berita di atas berkaitan penawaran hadiah terhadap penangkapan Chin Peng. Tawaran ini merupakan usaha di bawah
- A Perang Saraf
 - B Rancangan Briggs
 - C pengharaman AWAS
 - D pengisytiharan darurat

Pertemuan Baling telah diadakan selama dua hari di Baling, Kedah antara wakil kerajaan dan wakil PKM.

- 43 Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah pihak berkerajaan bersetuju bertemu dengan penganas komunis?
- I Menamatkan darurat
 - II Menjaga keselamatan negara
 - III Membangunkan kawasan luar bandar
 - IV Menjayakan perjuangan kemerdekaan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Dalam Pertemuan Baling, Tunku Abdul Rahman telah mengemukakan tiga permintaan terhadap pihak PKM.

44 Apakah tiga permintaan tersebut?

- I** Membubarkan PKM
- II** Meletakkan senjata
- III** Menyerah diri
- IV** Melatih kader
- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

- IMP
- PAS
- MCA
- UMNO

45 Senarai di atas merujuk kepada parti-parti politik. Apakah ciri persamaan antara parti-parti politik tersebut?

- A** Menerima kerakyatan jus soli
- B** Mewujudkan perpaduan kaum
- C** Melahirkan golongan cerdik pandai
- D** Membuka keahlian kepada semua kaum

46 Antara berikut, yang manakah benar mengenai Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum?

- I** Ditubuhkan selepas Perang Duni Kedua
- II** Memperjuangkan hak istimewa orang Melayu
- III** Bertujuan mewujudkan persefahaman antara kaum
- IV** Mencadangkan usul melonggarkan syarat kerakyatan Persekutuan
- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

Konferensi Nasional

47 Maklumat di atas merujuk kepada persidangan yang diadakan oleh pihak British. Antara berikut, yang manakah benar mengenai konferensi tersebut?

- I** Diusahakan oleh UMNO
 - II** Diadakan pada tahun 1954
 - III** Bertujuan melahirkan kerjasama politik
 - IV** Melibatkan parti-parti seperti Parti Negara
- A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** I, III dan IV
 - D** II, III dan IV

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Sekolah Inggeris• Sekolah Melayu• Sekolah Tamil• Sekolah Cina• Sekolah Agama Islam |
|--|

48 Senarai di atas merujuk kepada lima jenis sekolah yang menghalang perpaduan. Bagaimanakah pemimpin negara-negara kita berusaha menyelesaikan masalah tersebut?

- I** Keseragaman sukatan pelajaran
 - II** pengenalan kegiatan kokurikulum
 - III** Kewujudan sistem pendidikan kebangsaan
 - IV** Penggunaan bahasa kebangsaan yang sama
- A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** I, III dan IV
 - D** II, III dan IV

- 49 Apakah ciri-ciri sekolah vernakular Melayu?
- I Dibiayai oleh British
 - II Persekitaran belajar yang daif
 - III Pengajian di peringkat sekolah menengah
 - IV Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

‘Satu daripada dasar pelajaran Persekutuan Tanah Melayu ini ialah untuk mengubah corak semua sekolah rendah dan menengah supaya bercorak Tanah Melayu’

- 50 Petikan di atas terkandung dalam Laporan Razak 1956. Apakah tujuan dasar berkenaan?
- I Menekankan pendidikan agama
 - II Menjamin kesejahteraan negara
 - III Memupuk semangat cintakan negara
 - IV Mementingkan perpaduan masyarakat Tanah Melayu
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

- Dato' Onn Jaafar
- Dato' E.E.C. Thuraisingam
- Dr. Lee Tiang Keng

51 Senarai di atas adalah antara anggota Sistem Ahli. Mengapakah sistem tersebut penting?

- I** Mewujudkan perpaduan
 - II** Menyerupai sistem kabinet hari ini
 - III** Memperjuangkan kemerdekaan negara
 - IV** Melatih orang Melayu dan kaum lain dalam pentadbiran
- A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** I, III dan IV
 - D** II, III dan IV

52 Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum mencadangkan agar syarat kerakyatan kepada golongan imigran dilonggarkan?

- I** Mencerminkan proses perpaduan kaum
 - II** Melahirkan golongan nasionalis negara
 - III** Mengelakkan golongan imigran terpengaruh dengan Parti Komunis Malaya
 - IV** Mengukuhkan kesetiaan golongan imigran terhadap Persekutuan Tanah Melayu
- A** I dan II
 - B** II dan III
 - C** III dan IV
 - D** I dan IV

PILIHAN RAYA 1957	
BANGSA PENGUNDI	PERTAMBAHAN PERATUS
Cina	30%
India	7%

- 53** Jadual di atas menerangkan peratusan pengundi pada pilihan raya 1957. Mengapakah terdapat pertambahan dalam peratusan pengundian?
- A** Kelonggaran syarat kerakyatan
 - B** Kemasukan beramai-ramai kaum imigran
 - C** Kemajuan perusahaan getah dan bijih timah
 - D** Kerjasama dan keharmonian pelbagai kaum
- 54** Apakah tujuan British memperkenalkan pilihan raya?
- I** Menjaga kepentingan ekonomi mereka di Tanah Melayu
 - II** Menghapuskan pemberontakan komunis
 - III** Mewujudkan suasana politik yang stabil
 - IV** Mengkaji kejayaan parti-parti politik
- A** I, II dan III
 - B** I, II dan IV
 - C** I, III dan IV
 - D** II, III dan IV

Tokoh X	:	British menetapkan syarat kerjasama perpaduan kaum bagi kemerdekaan Tanah Melayu.
Tokoh Y	:	British memang ingin menjaga <i>kepentingannya</i> .

- 55 Dialog di atas menerangkan syarat yang ditetapkan oleh British. Apakah '*kepentingan*' yang dimaksudkan dalam dialog tersebut?
- A Kepentingan politik British di Tanah Melayu
 B Pengekalan tentera British di Tanah Melayu
 C Kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu
 D Kelonggaran syarat kerakyatan
- 56 Manifesto Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan yang pertama adalah
- I menamatkan darurat
 II mencapai kemerdekaan dalam tempoh lima tahun
 III menjadikan perkhidmatan awam yang bercorak tempatan
 IV melindungi hak raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan
- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV
- 57 Antara berikut, yang manakah merupakan hasil kompromi UMNO-CLC?
- I Tarikh kemerdekaan ditetapkan pada 31 Ogos 1957
 II Bantuan ekonomi dan pelajaran diberikan kepada orang Melayu
 III Kelonggaran syarat kerakyatan Persekutuan untuk golongan imigran
 IV Pelaksanaan pilihan raya di semua peringkat pada masa yang sesuai
- A I, II dan III
 B I, II dan IV
 C I, III dan IV
 D II, III dan IV

58 Parti yang manakah antara berikut pernah mendukung perjuangan kerjasama kaum dalam sesebuah parti?

- I** IMP
- II** MCA
- III** MIC
- IV** UMNO
- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

Tarikh	Peristiwa	Anjuran
Februari 1954	Konferensi Nasional	British
Ogos 1954	Konvensi Nasional	UMNO

59 Jadual di atas merujuk kepada medan persidangan pelbagai parti politik. Apakah matlamat persidangan tersebut?

- A** Melahirkan perpaduan kaum
- B** Mencapai kerjasama melalui sebuah parti politik
- C** Melonggarkan syarat kerakyatan
- D** Mendapat sokongan semua parti politik di Sarawak

60 Laporan pelajaran manakah antara berikut yang menolak penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sekolah kebangsaan?

- A** Laporan Razak
- B** Laporan Barnes
- C** Laporan Fenn Wu
- D** Ordinan Pelajaran

KERTAS SOALAN TAMAT